

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN (PARIT)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.10.2017

Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kejayaan yang dicapai negara kita dalam memacu pertumbuhan ekonomi pada masa ini dalam suasana ekonomi global yang tidak menentu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia merupakan sebuah negara yang kecil, namun ekonomi negara adalah terbuka dan terdedah kepada perkembangan di peringkat global termasuk peningkatan dasar perlindungan, ketidaktentuan dasar dalam kalangan ekonomi maju utama, volatiliti pasaran kewangan dan ketegangan geopolitik. Perkembangan

tersebut akan memberi kesan kepada prestasi ekonomi negara melalui saluran perdagangan, pelaburan dan kewangan. Walau bagaimanapun, perubahan struktur yang dilaksanakan oleh Kerajaan telah mempelbagaikan ekonomi dan memperkukuh sistem kewangan serta meletakkan ekonomi negara pada landasan pertumbuhan yang lebih kukuh.

2. Perkara ini dicerminkan dengan prestasi ekonomi negara yang amat memberangsangkan dalam tempoh separuh pertama 2017 dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 5.7%. Pertumbuhan disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta di mana penggunaan swasta berkembang sebanyak 6.9% manakala pelaburan swasta mencatat pertumbuhan yang mapan sebanyak 10%. Berdasarkan perkembangan ini, pada tahun ini, Malaysia berada pada landasan yang kukuh untuk mencapai pertumbuhan melebihi sasaran awal. Malah, unjuran pertumbuhan KDNK Malaysia bagi tahun 2017 telah disemak semula kepada kadar pertumbuhan lebih tinggi oleh Bank Dunia iaitu 5.2 peratus berbanding unjuran asal 4.3 peratus manakala unjuran IMF meningkat kepada 5.4 peratus daripada 4.8 peratus.

Tuan Yang Dipertua,

3. Antara 2009 dan 2016, pendapatan negara kasar (PNK) per kapita negara telah berkembang 30.5 peratus kepada USD9,850 berbanding USD7,550. Berdasarkan sasaran pendapatan tinggi mengikut perkiraan Bank Dunia iaitu USD12,236, kita telah mengurangkan jurang ke sasaran pendapatan tinggi daripada 38 peratus kepada 19 peratus. Ini jelas membuktikan Kerajaan telah melaksanakan dasar secara konsisten menerusi Model Baharu Ekonomi sejak 2010, sehingga berupaya mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan.

4. Oleh yang demikian, Kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif demi memastikan kesemua sektor ekonomi sentiasa berdaya tahan dan berdaya saing pada peringkat domestik dan global bagi memastikan ekonomi negara terus kukuh. Ini termasuklah mempelbagaikan sumber pendapatan Kerajaan, mengurangkan kebergantungan terhadap pendapatan minyak dan gas, menyediakan persekitaran kondusif bagi menarik pelaburan asing dan domestik, meningkatkan perdagangan dan produktiviti serta memperkukuh keupayaan inovasi dan teknologi negara.

Tuan Yang-diPertua,

5. Kerajaan yakin, pelbagai inisiatif ini akan membawa Malaysia mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dan menggandakan sasaran ekonomi kepada 2 trilion ringgit ketika menyingsingnya fajar 2025, sekaligus meletakkan Malaysia pada landasan yang kukuh menuju TN50, tergolong dalam kalangan 20 negara terbaik serta termaju di dunia